

SOALAN KATA GANTI NAMA DIRI

1. Pemuda itu bertanya, "Bolehkah _____ menukar wang di sini?"
A. **dia** B. **saya** C. **kami** D. **mereka**
2. "Peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah harus _____ patuhi," nasihat Amir kepada kawan-kawannya.
A. **awak** B. **kami** C. **kita** D. **dia**
3. Sebagai pemimpin masyarakat yang banyak berjasa, _____ sangat dihormati.
A. **dia** B. **kita** C. **beliau** D. **mereka**
4. "Biarlah _____ sahaja ke sana," kata pengawal itu kepada bendahara.
A. **patik** B. **hamba** C. **kalian** D. **beta**
5. "Masa telah tamat. _____ perlu berhenti menjawab soalan," kata pengawas peperiksaan itu kepada calon.
A. **Mereka** B. **Beliau** C. **Anda** D. **Saya**
6. Titah tuanku telah _____ laksanakan," kata Panglima Awang kepada Sultan Mansur Shah.
A. **patik** B. **saya** C. **hamba** D. **baginda**
7. Sultan Sabri Shah telah mangkat pada awal pagi tadi. _____ disahkan menghidap penyakit jantung berlubang.
A. **Baginda** B. **Tuanku** C. **Beta** D. **Patik**
8. Pada minggu lepas, _____ sekeluarga telah pergi bercuti di Bukit Tinggi, Pahang.
A. **anda** B. **saya** C. **kami** D. **hamba**
9. " _____ akan memberikan ganjaran kepada sesiapa yang dapat menyembuhkan penyakit puteri," titah Sultan Mahmud Shah.
A. **Aku** B. **Saya** C. **Beta** D. **Patik**
10. "Cikgu, _____ berjanji akan menyiapkan projek itu secepat mungkin," kata Justin dan Alvin kepada Cikgu Goh.
A. **kita** B. **saya** C. **kami** D. **mereka**